

30 NOV 1999

P/Raya-Sanusi

KEPUTUSAN P/RAYA DI KEDAH BUKTI WUJUD DEMOKRASI DI MALAYSIA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata keputusan pilihan raya di Kedah membuktikan bahawa demokrasi subur di negara ini.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) hmemenangi pilihan raya engan majoriti dua pertiga untuk membentuk kerajaan negeri yang stabil di Kedah dan menyumbang kepada majoriti dua pertiga bagi kerajaan persekutuan.

"Saya bersyukur kita menang walaupun ada ramalan di peringkat nasional dan antarabangsa bahawa Kedah mungkin terlepas kepada pembangkang kali ini," kata beliau kepada pemberita di pusat operasi BN.

BN memenangi 24 daripada 36 kerusi dewan undangan negeri sementara selebihnya dimenangi oleh Pas sementara bagi kawasan parlimen, ia cuma menang tujuh kerusi banding 8 oleh Pas.

Pada pilihan raya 1995, Pas cuma menang dua kerusi dewan undangan negeri dan kalah di semua kerusi parlimen yang ditandingnya.

Sanusi berkata BN Kedah tidak terburu-buru untuk menubuhkan kerajaan negeri yang baru kerana Sultan Kedah hendak memulakan lawatan ke Thailand.

Sanusi berkata beliau tidak kecewa terhadap keputusan pilihan raya kerana Kedah ialah negara sasaran. Kekakalahan di Kedah merupakan satu tamparan hebat kerana Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama berasal dari negeri ini.

"Jika Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama berasal dari Terengganu, ini merupakan tamparan hebat tetapi hakikatnya kita dapat mengekalkan majoriti dua pertiga walaupun pada peringkat negeri," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin masing-masing mengekalkan kerusi Kubang Pasu dan Merbok tetapi dengan majoriti berkurangan.

Menteri Besar menolak andaian bahawa pemilihan calon sebagai punca kekalahan tetapi berkata keadaan mungkin lebih buruk jika BN tersilap pilih calon.

Beliau berkata parti pembangkang telah bertahun-tahun berkempen di Kedah semata-mata untuk menang.

Ketika ditanya mengenai mesej berhubung dengan pencapaian terbaik Pas di Kedah, Sanusi berkata: "Mesejnya sungguh jelas, Saya berpendapat kempen propaganda mereka untuk tempoh yang lama telah berhasil".

Sanusi berkata BN terkejut dengan kekalahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman di kerusi parlimen Sik dan anggota parlimen Yan Datuk Badruddin Amiruldin.

Pada keseluruhan, Sanusi menyifatkan keputusan itu bukan satu kekalahan kerana ini pilihan raya pertama pembangkang menggunakan sebahagian besar wang.

BN Kedah juga sedang mengkaji kemungkinan membuat aduan polis dan meminta pengiraan semula kertas undi kerana dua insiden kertas undi pos yang menimbulkan keraguan.

Kepada soalan sama ada beliau akan memikul tanggungjawab bagi kekalahan itu, Sanusi berkata beliau tidak bertanggungjawab kerana rakyat yang tidak mahu BN menang," jadi rakyat bertanggungjawab bagi kekalahan itu".

-- BERNAMA

AFY AFJ FAZ